

Headline	Kerajaan tidak minta umat Islam tangguh umrah		
Media Title	Kosmo	Color	Full Color
Date	09 May 2014	Circulation	218,251
Section	Negara	Readership	654,753
Page No	2	Article Size	213 cm ²
Language	Malay	Ad Value	RM 2,731
Journalist	N/A	PR Value	RM 8,192
Frequency	Daily		



Kerajaan tidak minta umat Islam tangguh umrah

PETALING JAYA - Kerajaan tidak akan meminta umat Islam di negara ini menanggukkan hasrat mengerjakan umrah, namun mahu mereka mengambil segala langkah yang perlu bagi mengelak dijangkiti Sindrom Pernafasan Asia Barat-Virus Korona (MERS-CoV), kata Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam.

"Saya ada terbaca kerajaan Arab Saudi menasihati jemaah umrah menanggukkan perjalanan, justeru terpulang kepada rakyat kita sama ada mahu mengikuti nasihat itu dan membuat keputusan yang sewajarnya demi keselamatan dan kesihatan mereka," katanya kepada pemberita di sini semalam.

Dr. Subramaniam ditanya mengenai perkembangan terkini wabak MERS-CoV.

Agensi berita di Bahrain, *Gulf Daily News* baru-baru ini melaporkan, beberapa agensi pengurusan haji dan umrah di Arab Saudi sudah tidak menerima permohonan daripada jemaah berusia lebih 60 tahun dan juga kanak-kanak susulan nasihat Kementerian Kesihatan.

Setakat ini MERS-CoV meragut lebih 100 nyawa di Arab Saudi.

Malaysia merekodkan kematian pertama pada 18 April lalu selepas seorang lelaki berusia 54 tahun dijangkiti penyakit itu ketika mengerjakan umrah pada Mac.

Mangsa yang berasal dari Ba-

tu Pahat, Johor meninggal dunia di Hospital Sultanah Nora Ismail susulan pneumonia yang teruk akibat jangkitan MERS-CoV.

Terdahulu, Dr. Subramaniam menyaksikan penyampaian akreditasi oleh Australian Council On Healthcare Standards (ACHS) kepada Pusat Perubatan Sunway yang menjadi hospital pertama di Asia Tenggara menerima akreditasi itu.

Sementara itu, Tabung Haji Travel and Services Sdn. Bhd. (THTS) menaflkan laporan berita jemaah haji dan umrah perlu mengambil vaksin HINI sebagai langkah pencegahan daripada terkena jangkitan MERS-CoV.

Pengurus Besar Pembangunan Perniagaan THTS, Shahrunnajmi Basharudin berkata, perkara tersebut telah menyebabkan kekecohan dan kekeliruan terhadap orang ramai kerana Kementerian Kesihatan tidak pernah mengeluarkan kenyataan mengenai pengambilan vaksin tersebut.

"Pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pun tidak mengetahui tahap penularan jangkitan virus tersebut dan buat masa ini tiada sebarang vaksin untuk MERS-CoV."

"Kebanyakan kes dilaporkan berlaku dari Arab Saudi, namun begitu kementerian telah mengeluarkan langkah-langkah pencegahan yang perlu diambil kepada jemaah haji dan umrah sebagai langkah berjaga-jaga," katanya.



SUBRAMANIAM (dua kanan) menyaksikan Ahli Lembaga ACHS, Dr. David Lord (kanan) menyampaikan anugerah akreditasi kepada Ketua Pegawai Eksekutif Pusat Perubatan Sunway, Tan Suet Guan di Petaling Jaya, Selangor semalam.